

Perluas Skop Tugas JAN, ketika ini di Peringkat Perbincangan - PM Anwar



TERKINI VIDEO ENGLISH MALAYSIA DUNIA POLITIK HIBURAN BISNES SUKAN RANCANG

Perluas skop tugas JAN, ketika ini di peringkat perbincangan - PM Anwar

Fareez Azman
September 1, 2023 17:31 MYT



Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim menyampaikan amanat kepada warga Jabatan Audit Negara semasa sesi perjumpaan dengan pengurusan dan warga jabatan itu di ibu pejabat Jabatan Audit Negara Putrajaya hari ini. - Foto Bernama

PUTRAJAYA: Kerajaan akan memperluaskan skop tugas Jabatan Audit Negara (JAN) yang akan meliputi kerangka ombudsman.

Menurut Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, bagaimanapun ketika ini ia masih di peringkat perbincangan untuk memastikan skop tugas JAN diperkuatkan.

"Berdasarkan prestasi Jabatan Audit Negara yang memuaskan dan teguran-teguran yang patut diberi perhatian oleh semua Jabatan Persekutuan dan negeri, saya sekarang sedang meneliti supaya dapat diperkuatkan, diperluaskan bidang tugas Jabatan Audit Negara supaya tidak boleh merangkul apa yang disebut Institusi Hisbah (institusi yang memerhati dan meninjau).

Anda mungkin berminat pada artikel ini

- [Temu Anwar: Isu syarat kemasukan OKU dalam sistem TVET dibawa ke Kabinet](#)
- [Temu PM Anwar di UTM Skudai Ahad ini](#)
- [Polis cari waris mayat lelaki ditemui di Sungai Merchong](#)
- [Amanat Hari Kebangsaan, PM ingatkan rakyat harga kemerdekaan - Pemimpin negeri](#)
- [PM jamin Kerajaan Perpaduan pertahan hak setiap rakyat](#)
- [Kerajaan setuju laksana inisiatif 'single window' perhebat fungsi syarikat pemula](#)

"Jadi (perkara) ini masih dalam perbincangan tapi yang penting kita perluaskan bidang tugas Jabatan Audit Negara," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui media selepas mengadakan perjumpaan bersama warga Jabatan Audit Negara di Putrajaya pada Jumaat.

"Jadi (perkara) ini masih dalam perbincangan tapi yang penting kita perluaskan bidang tugas Jabatan Audit Negara," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui media selepas mengadakan perjumpaan bersama warga Jabatan Audit Negara di Putrajaya pada Jumaat.

Terdehulu dalam ucapannya, Anwar turut menegaskan bahawa Laporan Audit Negara bagi tahun ini akan dibahaskan di Parlimen.

Ujarnya, ia bagi memastikan tiada ketirisan berlaku serta memperbaiki sekiranya wujud kelemahan dalam kerajaan.

"Saya akan pastikan ia akan dibahaskan kalau ada kelemahan kita perbaiki, kalau ada pelanggaran kita betulkan.

"Kalau ada sesuatu penyalahgunaan kuasa kita pastikan ambil tindakan. Ketika saya di Kementerian Kewangan dulu saya memulakan satu tradisi.

"Setiap tahun Laporan Audit Negara ini saya anggap satu dokumen yang penting dan Kementerian Kewangan, mesti mengetahui satu tugas untuk meneliti semua laporan dan pastikan semua jabatan patuh, kalau tidak laporan sampai tahun depan diulang lagi masalah," katanya lagi.